

Jadual padat menanti PM, delegasi di India

Anwar dijangka sampaikan syarahan pada program ICWA

Daripada
M Magendran

di New Delhi



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai jadual yang padat sempena lawatan rasmi tiga hari ke India bermula hari ini diisi pertemuan dengan syarikat, menyampaikan syarahan dan bertemu rakan sejawat, Narendra Modi.

Antara lain, beliau bersama delegasi Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Digital serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, dijadual mengadakan perjumpaan dengan tiga syarikat tempatan, iaitu Tata Consultancy Services, Emami Agrotech Ltd dan HCLTech.

Acara sambutan rasmi Anwar akan diadakan di pekarangan ke-

diaman rasmi Presiden India, Rashtrapati Bhavan di sini, disusuli upacara meletakkan kalungan bunga sebagai tanda penghormatan di Tugu Peringatan Ghandi di Kompleks Memorial Raj Ghat.

Perdana Menteri kemudian dijadual menerima kunjungan hormat Menteri Hal Ehwal Luar India, S Jaishankar Prasad, disusuli perjumpaan dua hala tertutup dengan Modi.

Beliau juga dijangka menyaksikan beberapa majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) membabitkan kedua-dua negara.

Anwar dijadual menyampaikan syarahan bertajuk 'Ke arah Pembangunan Global Selatan, Memanfaatkan Hubungan Malaysia-India' pada program Majlis Hal Ehwal Dunia India (ICWA).

Menyertai Perdana Menteri dalam lawatannya ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Steven Sim; Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Datuk Seri Tiong King Sing serta Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Turut serta, Menteri Digital, Gobind Singh serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul

Tengku Abdul Aziz.

Pertemuan Perdana Menteri dengan Modi di sini adalah yang kedua dan pemimpin India itu pernah ke Malaysia ketika kepimpinan Datuk Seri Najib Razak pada 23 November 2015.

Sebagai simbolik persahabatan India dan Malaysia, Najib dan Modi ketika itu merasmikan Gerbang Torana di Little India di Brickfields, Kuala Lumpur, iaitu hadiah kerajaan India kepada Malaysia.

Tiga tahun kemudian, Modi yang dalam perjalanan ke Singapura, singgah di Malaysia untuk mengucapkan tahniah kepada Tun Dr Mahathir Mohamad berikutan kejayaan Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

India dan Malaysia dalam proses memperkukuh rangka kerja bagi menjalankan perdagangan dalam mata wang negara. Justeru, lawatan ini diyakini dapat menjana nilai potensi pelaburan serta memperkukuhkan hubungan perdagangan dua hala.

Dalam aspek pelaburan, HH Healthcare Malaysia melabur dalam hospital di India dan Petronas mempunyai projek penting dalam sektor tenaga. Syarikat Malaysia turut mengendalikan projek jalan raya dan lapangan terbang utama di India.